



Ruj.Kami: JPA.BK(S)(K)134/8/78-4(107)

Tarikh : 8 Oktober 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W22 KE GRED W26 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN (SEKTOR DALAM NEGERI)

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan untuk pemangkuan bagi jawatan berkenaan. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 layak dipertimbangkan bagi pemangkuan ke Gred W26 apabila memenuhi syarat-syarat berikut:-

- 2.1 Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 yang telah dilantik **sebelum atau pada 30 Jun 2007;**
- 2.2 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2011, 2012 dan 2013) **tidak kurang 80%;**
- 2.3 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.4 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.5 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.6 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan;** dan
- 2.7 Bebas daripada hukuman tatatertib.

2/..

3. Semua permohonan hendaklah dilengkapi dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** serta mengemukakan bersama-sama dokumen-dokumen yang telah disahkan di setiap helaian muka surat seperti di bawah:

3.1 satu (1) salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemas kini; dan

3.2 satu (1) salinan Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terkini (2011, 2012 dan 2013).

4. Sukacita diingatkan bahawa pemangkuan ini berkemungkinan melibatkan penempatan ke Kementerian/Jabatan Persekutuan lain. Untuk makluman pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan jua, **penempatan sebenar pemohon adalah tertakluk kepada pertimbangan akhir Jabatan ini demi kepentingan perkhidmatan secara keseluruhannya.**

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai yang berada di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan, JPA **sebelum atau pada 10 November 2014 (Isnin)** di alamat:

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Norziatulshima Binti Tajuddin)

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Puan Rohaya binti Harun - 03-8885 4341
rohaya.harun@jpa.gov.my
- ii. Encik Mohd Firdaus bin Mohamad - 03-8885 4767
firdaus.mohamad@jpa.gov.my

7. Kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan juga adalah dipohon untuk memastikan hanya permohonan daripada calon-calon yang memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan dalam surat edaran ini dikemukakan. Permohonan yang **lewat diterima** atau **tidak lengkap adalah tidak dipertimbangkan.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(NORZIATUL SHIMA BINTI TAJUDDIN)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan

b.p. : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA



: 03-8885 4110



: shima.tajuddin@jpa.gov.my

LAMPIRAN A

**PERTIMBANGAN PEMANGKUAN
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKTUAN
MAKLUMAT PERKHIDMATAN PEGAWAI**

SKIM : PT(KEW)

GRED HAKIKI : W22

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan : (Lama) (Baru)
Gelaran Jawatan :
Tarikh lantikan perkhidmatan sekarang : Tarikh disahkan dalam jawatan : Tarikh kenaikan pangkat terakhir : (Jika berkenaan)
<u>Maklumat Tempat Bertugas</u> Bahagian : Jabatan : Kementerian:
No. Telefon : (Pejabat) samb : (Bimbit) No. Faksimili : E-mel :
Markah LNPT Terkini : 2011 <input type="checkbox"/> 2012 <input type="checkbox"/> 2013 <input type="checkbox"/>

Nama Pegawai :

No. Kad Pengenalan :

Cuti Tanpa Gaji / Cuti Separuh Gaji

Tiada

Ada

Tarikh hingga

Lantikan ke jawatan dalam Skim Perkhidmatan yang lain / terdahulu

Tiada

Ada

Skim Perkhidmatan :

Tarikh : hingga

Tindakan Tatatertib

Tiada

Ada

Jenis Hukuman :

Tarikh Hukuman : hingga

Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Lulus pada

Gagal

Pengisytiharan Harta

Telah isytihar pada

Belum isytihar

Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

TK Aras Tarikh

Tidak Menduduki

Nama Pegawai :

No. Kad Pengenalan :

PENGESAHAN PEGAWAI YANG MEMOHON

Saya sesungguhnya mengetahui bahawa urusan pemangkuan ini berkemungkinan menyebabkan saya ditukarkan ke tempat lain. Oleh itu, saya bersedia ditukarkan sekiranya saya **berjaya** dalam urusan pemangkuan ini. Sebarang penolakan penempatan adalah dianggap secara tidak langsung telah menolak pemangkuan yang dilakukan oleh JPA.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

PENGESAHAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Saya mengesahkan bahawa maklumat dan kenyataan yang diberikan adalah benar dan sah. Saya juga bersetuju untuk dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat apa-apa maklumat atau kenyataan yang tidak benar dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA.

Tandatangan:

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Jabatan :

**PERTIMBANGAN PEMANGKUAN
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

PERAKUAN KETUA JABATAN

Saya * memperakukan / tidak memperakukan

(nama)

(no. Kad pengenalan)

(jawatan)

untuk dipertimbangkan dalam pelaksanaan urusan

Pemangkuan PT(KEW) Gred W22 ke Gred W26 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan

ULASAN KESELURUHAN

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cop Jabatan :

LAMPIRAN C

Kepada :

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Norziahulshima Binti Tajuddin)

SURAT AKUAN PINJAMAN PENDIDIKAN INSTITUSI TABUNG PENDIDIKAN

SayaNo. K/P : mengesahkan
bahawa :

Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan ;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh hingga sebanyak RM dan RM..... saya mengesahkan masih belum membuat bayaran ;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh.....hingga sebanyak RM dan pada masa ini sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai/potongan gaji mulai..... ;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikhhingga sebanyak RM dan saya telah pun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4 (2)(f) dan Peraturan 4 (2) (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....
Tandatangan Pegawai

Nama :

Jawatan :

Alamat Jabatan :

Tarikh :